

Headline	Sultan Selangor kecewa isu hina Nabi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	3	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	264 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,301



Sultan Selangor kecewa isu hina Nabi

➔ Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa gesa henti hina Rasulullah

► Shah Alam

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa dengan perbuatan menghinakan keperibadian junjungan besar Rasulullah SAW, oleh segelintir golongan bukan Islam sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais, berkata baginda menzahirkan kekecewaan

itu selepas berbincang dengan ahli Dewan Diraja Selangor, semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi membendung gejala penghinaan ini supaya tidak terus berlaku tanpa kawalan, Sultan Selangor mengingatkan rakyat terutama yang bukan Islam, supaya menghentikan perbuatan mempersenda keperibadian Rasulullah SAW dan mencemar kesucian Islam.

Gugat keharmonian

Katanya, perbuatan itu bukan sahaja boleh menggugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah boleh menyebabkan rusuhan antara kaum serta agama, yang mengakibatkan permusuhan berpanjangan antara kaum di negara ini. "Kejadian penghinaan terhadap

Rasulullah SAW, serta isu yang mencemar kesucian Islam kerap berlaku dan sampai ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

"Islam sebagai agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, perlu sentiasa dihormati setiap rakyat di negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Hanafisah berkata, walaupun tindakan undang-undang serta hukuman dikenakan terhadap mereka yang menghina Islam dan Rasulullah, ia masih tetap berlaku seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan undang-undang yang diambil ke atas golongan ini.

"Sejarah menunjukkan sesebuah negara boleh menjadi porak-peranda, sekiranya rakyat bermusuhan

kerana tidak menghormati agama yang dianuti pelbagai kaum.

Pelihara kesucian Islam

"Sebagai Raja yang juga ketua agama Islam Selangor, Sultan Selangor menegaskan bahawa memelihara maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah SAW, adalah tuntutan utama dalam magqid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk mempertahankannya," katanya.

Oleh itu, Hanafisah berkata, peringatan Sultan Selangor itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya, terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan kaum dan agama di negara ini terus kekal.

Katanya, peringatan oleh baginda bukan sekadar untuk golongan bukan Islam tetapi, termasuk juga kepada umat Islam di mana mereka sendiri perlu sentiasa berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan dengan agama lain.

"Ahli Dewan Diraja Selangor menggesa pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Peguam Negara, mengambil berat akan peringatan Sultan Selangor bagi menangani masalah ini.

"Penyasatan terhadap mereka yang disyaki melakukan kesalahan perlu segera dilaksanakan dan tindakan pendakwaan diambil terhadap mereka sekiranya terdapat keterangan yang mencukupi," katanya. **BERNAMA**

Headline	Kecewa sikap segelintir masyarakat bukan Islam hina Rasulullah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	24	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,319



Kecewa sikap segelintir masyarakat bukan Islam hina Rasulullah

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa dengan sikap segelintir masyarakat bukan Islam yang menghina keperibadian Rasulullah SAW sejak kebelakangan ini.

Perkara itu dizahirkan baginda selepas berbincang dengan Ahli Dewan Diraja Selangor, semalam.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais berkata, kejadian penghinaan terhadap Rasulullah dan isu yang mencemar kesucian Islam kerap berlaku hingga ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

"Agama Islam adalah agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan yang perlu sentiasa dihormati setiap rakyat negara ini.

"Walaupun perbuatan penghinaan terhadap Ra-

sulullah dan kesucian Islam satu kesalahan di bawah undang-undang dan tindakan serta hukuman sudah dikenakan terhadap mereka yang melakukannya, ia masih tetap berlaku dan seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan diambil terhadap golongan berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, bagi membendung gejala penghinaan itu tidak terus berlaku tanpa kawalan, Sultan Sharafuddin mengingatkan kepada rakyat terutama yang bukan beragama Islam supaya menghentikan perbuatan berkenaan.

"Perbuatan ini bukan saja boleh mengugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah menyebabkan rusuhan antara kaum dan agama mengakibatkan permusuhan berpanjangan antara

“**Sejarah sudah menunjukkan negara boleh porak peranda sekiranya rakyat bermusuhan kerana tidak menghormati agama yang dianuti pelbagai kaum**”

Hanafisah Jais

kaum di negara ini.

"Sejarah sudah menunjukkan negara boleh porak peranda sekiranya rakyat bermusuhan kerana tidak menghormati agama yang dianuti pelbagai kaum.

"Sebagai raja yang juga Ketua Agama Islam Negeri Selangor, baginda menegaskan, memelihara maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah

SAW adalah tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya," katanya.

Katanya, peringatan Sultan Sharafuddin itu perlu diambil serius rakyat terutama golongan bukan Islam sekiranya mahu keharmonian dan perpaduan kaum serta agama terus kekal.

"Ia bukan sekadar untuk golongan bukan Islam, tetapi kepada umat Islam. Umat Islam juga perlu sentiasa berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan dengan agama lain.

"Malah, Allah SWT melarang keras umatnya mencera sembah agama lain kerana ia antara penyebab berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masya-

rakat. Islam adalah agama yang mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat," katanya.

Beliau berkata, Ahli Dewan Diraja Selangor menjunjung segala titah Sultan Sharafuddin dan turut terkesan dengan kekecewaan dizahirkan baginda mengenai isu berkenaan.

"Pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara digesa mengambil berat perhatian baginda dengan mengambil langkah berkesan bagi menangani masalah ini," katanya.



Headline	Kecewa sikap segelintir masyarakat bukan Islam hina Rasulullah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	24	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,319



Kecewa sikap segelintir masyarakat bukan Islam hina Rasulullah

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa dengan sikap segelintir masyarakat bukan Islam yang menghina keperibadian Rasulullah SAW sejak kebelakangan ini.

Perkara itu dizahirkan baginda selepas berbincang dengan Ahli Dewan Diraja Selangor, semalam.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais berkata, kejadian penghinaan terhadap Rasulullah dan isu yang mencemar kesucian Islam kerap berlaku hingga ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

"Agama Islam adalah agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan yang perlu sentiasa dihormati setiap rakyat negara ini.

"Walaupun perbuatan penghinaan terhadap Ra-

sulullah dan kesucian Islam satu kesalahan di bawah undang-undang dan tindakan serta hukuman sudah dikenakan terhadap mereka yang melakukannya, ia masih tetap berlaku dan seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan diambil terhadap golongan berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, bagi membendung gejala penghinaan itu tidak terus berlaku tanpa kawalan, Sultan Sharafuddin mengingatkan kepada rakyat terutama yang bukan beragama Islam supaya menghentikan perbuatan berkenaan.

"Perbuatan ini bukan saja boleh mengugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah menyebabkan rusuhan antara kaum dan agama mengakibatkan permusuhan berpanjangan antara

“**Sejarah sudah menunjukkan negara boleh porak peranda sekiranya rakyat bermusuhan kerana tidak menghormati agama yang dianuti pelbagai kaum**”

Hanafisah Jais

kaum di negara ini.

"Sejarah sudah menunjukkan negara boleh porak peranda sekiranya rakyat bermusuhan kerana tidak menghormati agama yang dianuti pelbagai kaum.

"Sebagai raja yang juga Ketua Agama Islam Negeri Selangor, baginda menegaskan, memelihara maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah

SAW adalah tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya," katanya.

Katanya, peringatan Sultan Sharafuddin itu perlu diambil serius rakyat terutama golongan bukan Islam sekiranya mahu keharmonian dan perpaduan kaum serta agama terus kekal.

"Ia bukan sekadar untuk golongan bukan Islam, tetapi kepada umat Islam. Umat Islam juga perlu sentiasa berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan dengan agama lain.

"Malah, Allah SWT melarang keras umatnya mencera sembah agama lain kerana ia antara penyebab berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masya-

rakat. Islam adalah agama yang mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat," katanya.

Beliau berkata, Ahli Dewan Diraja Selangor menjunjung segala titah Sultan Sharafuddin dan turut terkesan dengan kekecewaan dizahirkan baginda mengenai isu berkenaan.

"Pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara digesa mengambil berat perhatian baginda dengan mengambil langkah berkesan bagi menangani masalah ini," katanya.



Headline	Henti segera perbuatan biadab		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,8	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	MOHD. YUNUS YAKKUB	AdValue	RM 10,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,011



Sultan Selangor dukacita perbuatan hina Nabi Muhammad SAW >>8

Sultan Selangor dukacita orang bukan Islam hina Rasulullah SAW

Henti segera perbuatan biadab

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap perbuatan segelintir bukan Islam yang menghina Nabi Muhammad SAW sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Dewan di-Raja Selangor, Hanafisah Jais berkata, Sultan Sharafuddin bertitah perbuatan menghina Rasulullah serta isu-isu mencemar kesucian agama Islam telah sampai ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

Sehubungan itu, Sultan Sharafuddin mengingatkan rakyat terutama yang bukan beragama



SULTAN SHARAFUDDIN dukacita dengan perbuatan orang bukan Islam menghina Nabi Muhammad SAW.

Islam agar menghentikan perbuatan biadab tersebut.

“Agama Islam merupakan agama Persekutuan dan perlu dihormati.

“Walaupun si pelakunya telah dikenakan tindakan undang-undang dan hukuman, namun ianya masih berlaku seolah-olah tiada kesan terhadap golongan itu,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Sultan Sharafuddin menegaskan perbuatan tersebut bukan sahaja boleh menggugat keharmonian dan perpaduan kaum, malah boleh menyebabkan rusuhan serta permusuhan yang berpanjangan berhubung kaum dan agama di negara ini.

“Sejarah telah menunjukkan

sebuah negara boleh menjadi porak-peranda sekiranya rakyat bermusuhan atas sebab tidak menghormati agama yang diikuti oleh pelbagai kaum.

“Sebagai Raja yang merupakan ketua agama Islam negeri Selangor, memelihara maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah merupakan tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya,” katanya.

Justeru Hanafisah menjelaskan, peringatan Sultan Sharafuddin itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmoni-

an dan perpaduan dalam kalangan kaum dan agama di negara ini terus kekal.

Katanya, peringatan oleh baginda bukan sekadar untuk golongan bukan Islam tetapi termasuk juga kepada umat Islam di mana mereka sendiri perlu sentiasa berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan dengan agama lain.

“Malah, Allah melarang keras umatnya mencerca sembah agama lain kerana ia antara penyebab berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masyarakat. Islam adalah agama yang amat mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat,” ujarnya.

Headline	Henti segera perbuatan biadab		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,8	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	MOHD. YUNUS YAKKUB	AdValue	RM 10,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,011



Sultan Selangor dukacita perbuatan hina Nabi Muhammad SAW >>8

Sultan Selangor dukacita orang bukan Islam hina Rasulullah SAW

Henti segera perbuatan biadab

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita terhadap perbuatan segelintir bukan Islam yang menghina Nabi Muhammad SAW sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Dewan di-Raja Selangor, Hanafisah Jais berkata, Sultan Sharafuddin bertitah perbuatan menghina Rasulullah serta isu-isu mencemar kesucian agama Islam telah sampai ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

Sehubungan itu, Sultan Sharafuddin mengingatkan rakyat terutama yang bukan beragama



SULTAN SHARAFUDDIN dukacita dengan perbuatan orang bukan Islam menghina Nabi Muhammad SAW.

Islam agar menghentikan perbuatan biadab tersebut.

“Agama Islam merupakan agama Persekutuan dan perlu dihormati.

“Walaupun si pelakunya telah dikenakan tindakan undang-undang dan hukuman, namun ianya masih berlaku seolah-olah tiada kesan terhadap golongan itu,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, Sultan Sharafuddin menegaskan perbuatan tersebut bukan sahaja boleh menggugat keharmonian dan perpaduan kaum, malah boleh menyebabkan rusuhan serta permusuhan yang berpanjangan berhubung kaum dan agama di negara ini.

“Sejarah telah menunjukkan

sebuah negara boleh menjadi porak-peranda sekiranya rakyat bermusuhan atas sebab tidak menghormati agama yang diikuti oleh pelbagai kaum.

“Sebagai Raja yang merupakan ketua agama Islam negeri Selangor, memelihara maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah merupakan tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya,” katanya.

Justeru Hanafisah menjelaskan, peringatan Sultan Sharafuddin itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmoni-

an dan perpaduan dalam kalangan kaum dan agama di negara ini terus kekal.

Katanya, peringatan oleh baginda bukan sekadar untuk golongan bukan Islam tetapi termasuk juga kepada umat Islam di mana mereka sendiri perlu sentiasa berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan dengan agama lain.

“Malah, Allah melarang keras umatnya mencera sembah agama lain kerana ia antara penyebab berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masyarakat. Islam adalah agama yang amat mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat,” ujarnya.

Headline	Sultan Selangor dukacita		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208



HENTI HINA NABI, ISLAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa perbuatan segelintir bukan Islam yang menghina keperibadian Rasulullah SAW dan mencemar kesucian Islam 7

Peringatan Sultan Selangor itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan kaum serta agama terus kekal.”
- Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais



Headline	Sultan Selangor dukacita		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208

Sultan Selangor dukacita

Gesa hentikan perbuatan mempersenda nabi, cemar agama Islam

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa kecewa dengan perbuatan menghina keperibadian junjungan besar Rasulullah SAW oleh segelintir golongan bukan Islam sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais dalam satu kenyataan berkata, kes penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan isu yang mencemar kesucian agama Islam telah kerap berlaku sehingga ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

"Agama Islam adalah agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dan seharusnya sentiasa dihormati rakyat negara ini.

"Walaupun perbuatan hina Rasulullah SAW dan kesucian agama Islam ini satu kesalahan di bawah undang-undang, malah tindakan undang-undang serta hukuman telah dikenakan terhadap mereka yang melakukannya, namun ia masih tetap berlaku, seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan undang-undang yang diambil terhadap golongan ini," katanya.

Baginda menzahirkan kekecewaan itu selepas berbincang de-



Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita dengan perbuatan hina Rasulullah.

ngan ahli-ahli Dewan Diraja Selangor, semalam.

Hanafisah berkata, baginda juga mengingatkan kepada rakyat terutama bukan beragama Islam agar menghentikan perbuatan mempersendakan keperibadian Rasulullah SAW dan mencemar kesucian Islam.

"Perbuatan tersebut bukan sahaja boleh menggugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah boleh menyebabkan rusuhan antara kaum serta agama di negara ini," katanya.

Sebagai raja yang merupakan Ketua Agama Islam Selangor, baginda menegaskan, memelihara maruah agama Islam dan maruah junjungan Rasulullah SAW adalah tuntutan utama dalam maqasid syariah, dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya.

Hanafisah berkata, peringatan Sultan Selangor itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan kaum serta agama di negara ini terus kekal.

"Peringatan ini bukan sekadar untuk golongan bukan Islam, juga kepada umat Islam agar lebih berwaspada ketika melontarkan sebarang pandangan berkaitan agama lain.

"ALLAH SWT melarang keras umatnya mencerca sembah agama lain kerana ia antara penyebab kepada berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masyarakat," katanya.

Katanya, seluruh ahli Dewan Diraja Selangor menjunjung segala titah Sultan Selangor dan turut rasa terkesan dengan kekecewaan baginda berkaitan isu penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan agama Islam.

"Ahli Dewan Diraja Selangor menggesa pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Peguam Negara mengambil berat atas peringatan Sultan Selangor dengan mengambil langkah berkesan serta efektif bagi menangani masalah ini.

"Tindakan pendakwaan perlu diambil terhadap mereka tidak bertanggungjawab ini sekiranya terdapat keterangan mencukupi," katanya.

Headline	Sultan Selangor dukacita		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208



HENTI HINA NABI, ISLAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kecewa perbuatan segelintir bukan Islam yang menghina keperibadian Rasulullah SAW dan mencemar kesucian Islam 7

Peringatan Sultan Selangor itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan kaum serta agama terus kekal.”
- Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais



Headline	Sultan Selangor dukacita		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	1,7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	688 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI	AdValue	RM 11,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,208

Sultan Selangor dukacita

Gesa hentikan perbuatan mempersenda nabi, cemar agama Islam

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa kecewa dengan perbuatan menghina keperibadian junjungan besar Rasulullah SAW oleh segelintir golongan bukan Islam sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor, Hanafisah Jais dalam satu kenyataan berkata, kes penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan isu yang mencemar kesucian agama Islam telah kerap berlaku sehingga ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

"Agama Islam adalah agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, dan seharusnya sentiasa dihormati rakyat negara ini.

"Walaupun perbuatan hina Rasulullah SAW dan kesucian agama Islam ini satu kesalahan di bawah undang-undang, malah tindakan undang-undang serta hukuman telah dikenakan terhadap mereka yang melakukannya, namun ia masih tetap berlaku, seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan undang-undang yang diambil terhadap golongan ini," katanya.

Baginda menzahirkan kekecewaan itu selepas berbincang de-



Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita dengan perbuatan hina Rasulullah.

ngan ahli-ahli Dewan Diraja Selangor, semalam.

Hanafisah berkata, baginda juga mengingatkan kepada rakyat terutama bukan beragama Islam agar menghentikan perbuatan mempersendakan keperibadian Rasulullah SAW dan mencemar kesucian Islam.

"Perbuatan tersebut bukan sahaja boleh menggugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah boleh menyebabkan rusuhan antara kaum serta agama di negara ini," katanya.

Sebagai raja yang merupakan Ketua Agama Islam Selangor, baginda menegaskan, memelihara maruah agama Islam dan maruah junjungan Rasulullah SAW adalah tuntutan utama dalam maqasid syariah, dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya.

Hanafisah berkata, peringatan Sultan Selangor itu perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan kaum serta agama di negara ini terus kekal.

"Peringatan ini bukan sekadar untuk golongan bukan Islam, juga kepada umat Islam agar lebih berwaspada ketika melontarkan sebarang pandangan berkaitan agama lain.

"ALLAH SWT melarang keras umatnya mencerca sembah agama lain kerana ia antara penyebab kepada berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masyarakat," katanya.

Katanya, seluruh ahli Dewan Diraja Selangor menjunjung segala titah Sultan Selangor dan turut rasa terkesan dengan kekecewaan baginda berkaitan isu penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan agama Islam.

"Ahli Dewan Diraja Selangor menggesa pihak berkuasa seperti polis dan Jabatan Peguam Negara mengambil berat atas peringatan Sultan Selangor dengan mengambil langkah berkesan serta efektif bagi menangani masalah ini.

"Tindakan pendakwaan perlu diambil terhadap mereka tidak bertanggungjawab ini sekiranya terdapat keterangan mencukupi," katanya.

Headline	Bidara komited basmi aedes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,695



Bidara komited basmi aedes

SAUJANA UTAMA - Persatuan Jawatankuasa Penduduk Bidara, di sini memanfaatkan cuti hujung minggu melalui Program Gotong-Royong Anti Aedes 2019.

Pengerusinya, Mohamad Fitri Abdul Aziz berkata, inisiatif ini diambil kerana tidak mahu wabak denggi berlarutan berikutan ada beberapa kes direkodkan di kawasan taman perumahan itu.

"Program anti aedes ini kali pertama dianjurkan. Sebelum ini ada buat gotong-royong biasa...kali ini kita fokus untuk membasmi habitat nyamuk.

"Disebabkan ada beberapa kes denggi, jadi taman ini yang dikategorikan sebagai kawasan wabak denggi," katanya kepada Sinar Harian.

Mengulas lanjut mengenai pengli-

batan penduduk, Mohamad Fitri berkata, penyertaan penduduk cukup menggalakkan apabila lebih 70 orang berkumpul bagi bersama membersihkan kawasan sekeliling.

"Alhamdulillah penyertaan penduduk cukup menggalakkan termasuk kanak-kanak. Mereka melaksanakan kerja pembersihan dengan pembahagian setiap lorong.

"Kerjasama KDEB Waste Management Sdn Bhd dan Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor cukup baik bagi menjayakan aktiviti ini," katanya.

Hadir sama, Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Khider Abdul Rahim dan Pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk Saujana Utama, Khairul Anuar Jalaluddin.



Mohamad Fitri (duduk, tengah) merakam kenangan bersama tetamu dan penduduk setempat yang menjayakan Program Gotong-Royong Anti Aedes 2019.

Headline	Bidara komited basmi aedes		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,695



Bidara komited basmi aedes

SAUJANA UTAMA - Persatuan Jawatankuasa Penduduk Bidara, di sini memanfaatkan cuti hujung minggu melalui Program Gotong-Royong Anti Aedes 2019.

Pengerusinya, Mohamad Fitri Abdul Aziz berkata, inisiatif ini diambil kerana tidak mahu wabak denggi berlarutan berikutan ada beberapa kes direkodkan di kawasan taman perumahan itu.

"Program anti aedes ini kali pertama dianjurkan. Sebelum ini ada buat gotong-royong biasa...kali ini kita fokus untuk membasmi habitat nyamuk.

"Disebabkan ada beberapa kes denggi, jadi taman ini yang dikategorikan sebagai kawasan wabak denggi," katanya kepada Sinar Harian.

Mengulas lanjut mengenai pengli-

batan penduduk, Mohamad Fitri berkata, penyertaan penduduk cukup menggalakkan apabila lebih 70 orang berkumpul bagi bersama membersihkan kawasan sekeliling.

"Alhamdulillah penyertaan penduduk cukup menggalakkan termasuk kanak-kanak. Mereka melaksanakan kerja pembersihan dengan pembahagian setiap lorong.

"Kerjasama KDEB Waste Management Sdn Bhd dan Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor cukup baik bagi menjayakan aktiviti ini," katanya.

Hadir sama, Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Khider Abdul Rahim dan Pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk Saujana Utama, Khairul Anuar Jalaluddin.



Mohamad Fitri (duduk, tengah) merakam kenangan bersama tetamu dan penduduk setempat yang menjayakan Program Gotong-Royong Anti Aedes 2019.

Headline	Kerajaan tambah baik kemudahan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,719



Kerajaan tambah baik kemudahan

HULU BERNAM - Kerajaan Selangor mengutamakan kebajikan rakyat melalui pendekatan Pemberian ke Pemberdayaan tanpa mengurangi kemudahan yang disediakan selama ini.

Pegawai Khas Menteri Besar Selangor, Saifuddin Shafi Muhammad berkata, rakyat di negeri ini menerima pelbagai bantuan di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan kini ditambah baik dengan program pemberdayaan.

Menurutnya, program tersebut mendapat kerjasama positif pelbagai pihak yang memberi kemahiran sehingga penerima bantu-

an mampu menjana pendapatan.

"Apa yang dilaksanakan sebelum ini akan diperkasakan kerana banyak manfaat kepada rakyat dengan usaha kesinambungan bagi meningkatkan ekonomi penerima.

"Pembaharuan melalui 'empowerment' terutama kepada golongan B40 diharapkan memberi ruang dan peluang supaya mampu berdikari menjana pendapatan keluarga.

"Seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan selain turut menyumbang secara proaktif dalam membangunkan negeri,"

katanya pada Program Ramah Mesra MPKK Kampung Gesir Tengah dekat sini.

Saifuddin berkata, terdapat segelintir rakyat yang tidak mengetahui pencapaian kerajaan PH kerana tiada penjelasan secara bersepadu dan bersama dilakukan.

Menurutnya, perkara itu mungkin tidak diuaruarkannya dengan berkesan.

"Agensi berkaitan di bawah setiap kementerian perlu memainkan peranan agar rakyat menerima maklumat jelas mengenai usaha dilakukan kerajaan," katanya.



Program ramah mesra bertujuan mengemas kini dan mendaftar data baharu penduduk serta kawasan sekitar.

Headline	Kerajaan tambah baik kemudahan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,906
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,719



Kerajaan tambah baik kemudahan

HULU BERNAM - Kerajaan Selangor mengutamakan kebajikan rakyat melalui pendekatan Pemberian ke Pemberdayaan tanpa mengurangi kemudahan yang disediakan selama ini.

Pegawai Khas Menteri Besar Selangor, Saifuddin Shafi Muhammad berkata, rakyat di negeri ini menerima pelbagai bantuan di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan kini ditambah baik dengan program pemberdayaan.

Menurutnya, program tersebut mendapat kerjasama positif pelbagai pihak yang memberi kemahiran sehingga penerima bantu-

an mampu menjana pendapatan.

"Apa yang dilaksanakan sebelum ini akan diperkasakan kerana banyak manfaat kepada rakyat dengan usaha kesinambungan bagi meningkatkan ekonomi penerima.

"Pembaharuan melalui 'empowerment' terutama kepada golongan B40 diharapkan memberi ruang dan peluang supaya mampu berdikari menjana pendapatan keluarga.

"Seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan selain turut menyumbang secara proaktif dalam membangunkan negeri,"

katanya pada Program Ramah Mesra MPKK Kampung Gesir Tengah dekat sini.

Saifuddin berkata, terdapat segelintir rakyat yang tidak mengetahui pencapaian kerajaan PH kerana tiada penjelasan secara bersepadu dan bersama dilakukan.

Menurutnya, perkara itu mungkin tidak diuaruarkannya dengan berkesan.

"Agensi berkaitan di bawah setiap kementerian perlu memainkan peranan agar rakyat menerima maklumat jelas mengenai usaha dilakukan kerajaan," katanya.



Program ramah mesra bertujuan mengemas kini dan mendaftar data baharu penduduk serta kawasan sekitar.

Headline	Sultan Selangor zahir rasa bimbang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,2	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	874 cm ²
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 17,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,296




Sultan Selangor titah henti perbuatan hina Rasulullah, cemar agama Islam

CABAR UMAT ISLAM

- » Sultan Selangor yang kecewa kejadian hina Rasulullah SAW dan isu cemar agama Islam menyifatkan ia sudah sampai tahap mencabar kesabaran umat Islam.
- » Mengingatkan rakyat terutama bukan Islam, perbuatan tersebut boleh mencetuskan rusuhan antara kaum dan agama.
- » Negara boleh porak-peranda jika rakyat bermusuhan atas sebab tidak menghormati agama yang dianuti oleh pelbagai kaum.
- » Sultan Sharafuddin turut ingatkan umat Islam supaya berwaspada dalam melontarkan sebarang pandangan berkaitan agama lain.

BERITA PENUH DI MUKA 2

Headline	Sultan Selangor zahir rasa bimbang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,2	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	874 cm ²
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 17,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,296

Sultan Selangor zahir rasa bimbang

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
 pengarang@utusan.com.my

■ **SHAH ALAM 4 MAC**

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang kecewa dengan isu penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan kesucian agama Islam oleh golongan bukan Islam menitahkan polis serta Jabatan Peguam Negara supaya bertindak tegas.

Tegas Sultan Sharafuddin, penghinaan itu sudah sampai ke tahap mencabar kesabaran umat Islam dan sewajar pihak tidak bertanggungjawab tersebut dihukum bagi mengelakkan keharmonian serta perpaduan di negara ini bertukar menjadi permusuhan di antara kaum.

Berikut adalah kenyataan penuh Sultan Selangor yang dibuat melalui Dewan di-Raja Selangor:

DULI Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah berbincang dengan Ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor pada 4 Mac 2019, telah melahirkan rasa kekecewaan dengan perbuatan menghina keperibadian junjungan besar Rasulullah SAW oleh segelintir golongan bukan Islam sejak kebelakangan ini.

Kejadian penghinaan terhadap Rasulullah SAW serta isu-isu yang mencemarkan kesucian agama Islam telah kerap kali berlaku dan telah sampai ke tahap mencabar kesabaran umat Islam.

Agama Islam merupakan agama Persekutuan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan seharusnya perlu sentiasa dihormati oleh setiap rakyat di negara ini.

Walaupun perbuatan penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan penghinaan terhadap kesucian agama Islam ini merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang dan tindakan undang-undang serta hukuman juga telah dikenakan terhadap mereka yang melakukannya, namun demikian ia masih tetap berlaku dan seolah-olah tiada kesan terhadap tindakan undang-undang yang diambil ke atas golongan ini.

Bagi membendung gejala penghinaan ini agar tidak terus berlaku tanpa kawalan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor



mengingatkan kepada rakyat khususnya golongan bukan Islam agar menghentikan perbuatan mempersendakan keperibadian Rasulullah SAW dan mencemarkan kesucian agama Islam kerana perbuatan itu boleh menggugat keharmonian dan perpaduan rakyat, malah boleh menyebabkan rusuhan antara kaum dan agama di negara ini.

Sejarah telah menunjukkan sesebuah negara boleh porak-peranda sekiranya rakyat bermusuhan atas sebab tidak menghormati agama yang dianuti oleh pelbagai kaum.

Sebagai Raja yang merupakan Ketua Agama Islam Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan menegaskan bahawa melindungi maruah agama Islam serta maruah junjungan Rasulullah SAW adalah merupakan tuntutan utama dalam maqasid syariah dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk sentiasa mempertahankannya.

Oleh itu, peringatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor perlu diambil serius oleh rakyat keseluruhannya terutama golongan bukan Islam jika inginkan keharmonian dan perpaduan di kalangan kaum serta agama di negara ini terus berkekalan.

Peringatan ini juga bukan sekadar untuk golongan bukan Islam tetapi termasuk juga kepada umat Islam. Umat Islam sendiri pun sentiasa perlu berwaspada dalam melontarkan

pandangan berkaitan agama lain.

Malah Allah S.W.T melarang keras umatnya mencera sembah agama lain kerana ia antara penyebab kepada berlakunya ketidakharmonian hidup dalam masyarakat. Islam adalah agama yang amat mementingkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor menjunjung segala titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan turut merasa terkesan dengan kekecewaan yang dilahirkan Tuanku Sultan berkaitan dengan isu penghinaan terhadap Rasulullah SAW dan agama Islam ini.

Ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor menggesa pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengambil berat atas peringatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan mengambil langkah-langkah yang berkesan serta efektif bagi menangani masalah ini.

Penyiataan terperinci terhadap mereka yang disyaki melakukan kesalahan perlu segera dilaksanakan dan tindakan pendakwaan diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab ini sekiranya terdapat keterangan yang mencukupi.

HANAFISAHAH JAIS
 Setiausaha
 Dewan di-Raja Selangor

Headline	Hadiah menarik sepanjang Pesta Buku Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	189 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,310



Hadiah menarik sepanjang Pesta Buku Selangor

KUALA LUMPUR 4 Mac - Pengunjung Pesta Buku Selangor 2019 berpeluang untuk memenangi cabutan bertuah bernilai RM500 dengan setiap pembelian buku RM30 selain tiket masuk ke Taman Tema Sunway Lagoon bernilai RM800.

Setiausaha Pesta Buku Selangor 2019, Norkhairul Nizam M. Sadon berkata, sembilan pemenang akan diumumkan bagi cabutan bertuah yang akan dilakukan setiap hari pada pukul 6.30 petang dan 8.30 malam.

"Kami juga menawarkan baucar diskaun 35 peratus ke Taman Tema Sunway Lagoon kepada setiap pengunjung yang berbelanja minimum RM30 di pesta buku ini," katanya ketika dihubungi pemberita hari ini.

Norkhairul Nizam berkata, sehingga semalam, sebanyak 150,000 pengunjung telah mengunjungi Pesta Buku Selangor 2019 termasuk kehadiran jemputan ternama dan selebriti

PESTA BUKU SELANGOR 2019

PPAS, My.Second.Home
www.ppas.gov.my

selangorpubliclibrary
+603 5519 7667

PESTA BUKU SELANGOR 2019 dibuka setiap hari, percuma kepada pengunjung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Selangor.

tempatan antaranya, Dr. Kamilin Jamin dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Datuk Fazley Yaakob, Fizie dari Hot FM serta kartunis terkenal, Ujang, Boy PJ, CheguDeen dan Gayour.

Pesta buku anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yang diadakan

di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) sejak 28 Februari lalu akan berakhir pada 10 Mac ini.

Pameran yang disertai oleh syarikat penerbitan, percetakan dan kedai buku dari seluruh negara itu dibuka setiap hari bermula dari pukul 10 pagi hingga 9 malam manakala 10.30 malam pada setiap Sabtu dan Ahad.

Headline	Sathia serah nasib kepada FAS		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	112,050
Page No	54,56	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	564 cm ²
Journalist	MOHAMMAD ROZAIDI ZULKIFLI	AdValue	RM 11,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,747




SATHIA PASRAH

B. SATHIANATAN tidak bimbang dipecat, serah nasib kepada pengurusan. Yakin masih mendapat sokongan FAS dan pemain kerana isu jurulatih tidak pernah dibangkitkan. Kemarahan penyokong hanya membuatkan Sathia lebih bersemangat untuk membawa Selangor bangkit dan keluar daripada kemerosotan prestasi. **»54**

Headline	Sathia serah nasib kepada FAS		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	112,050
Page No	54,56	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	564 cm ²
Journalist	MOHAMMAD ROZAIDI ZULKIFLI	AdValue	RM 11,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,747

Sathia serah nasib kepada FAS

Oleh **MOHAMMAD ROZAIDI ZULKIFLI**
sukankita@yahoo.com

■ KUALA LUMPUR 4 MAC

KETUA jurulatih Selangor, B. Sathianathan mengakui, penyokong berhak merasa resah dengan prestasi *Red Giants* ketika ini dan menyerahkan masa depannya kepada Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Bagaimanapun tegas Sathianathan, situasi yang menyelubungi Selangor ketika ini sedikit pun tidak menjatuhkan semangatnya, sebaliknya beliau mengambil perkara itu sebagai cabaran untuk mengembalikan keyakinan peminat.

Sejurus selepas Selangor tewas 2-4 kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam Liga Super, Jumaat lalu, peminat mahu FAS mempertimbangkan untuk menukar jurulatih, malah beberapa laman web rasmi penyokong mengaitkan jawatan 'panas' Sathianathan dengan jurulatih asing yang pernah mewarnai Liga Malaysia (Liga M).

"Saya tidak bimbang (situasi direhatkan atau dipecat) dalam bola sepak seorang jurulatih perlu terima apa-apa hakikat. Banyak yang boleh bercakap tidak baik dan ada juga yang baik.

"Jika pengurusan sudah tidak perlukan khidmat saya, mereka boleh beritahu dan kita bincang. Saya ikut sahaja.

"Ini perkara biasa dalam bola sepak, terdapat penyokong yang mempunyai pendapat berbeza cuma yang negatif ramai sekarang kerana Selangor berada dalam kedudukan seperti ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Tambah Sathianathan, apa



KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.

langor yang penuh dengan sejarah kegemilangan dalam kancah bola sepak Malaysia.

"Tugas saya dapatkan balik sokongan daripada penyokong tetapi paling penting kepercayaan dari pemain dan pengurusan.

"Saya pun tahu, Selangor pasukan besar dan mempunyai sejarah.

"Itu sejarah masih lagi sejarah dan kalau kita lihat pasukan yang betul-betul berada dalam keadaan stabil adalah pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Pahang.

"Perak juara dan Terengganu finalis Piala Malaysia, turut berada di kedudukan tidak baik. Dengan banyak pertukaran pemain saya memerlukan masa," ujarnya.

Antara jurulatih yang menjadi sebutan penyokong adalah bekas pengendali Kedah, Roman Marcote, Mario Gomez (JDT) dan pengendali skuad bawah 19 tahun negara, Bojan Hodak.

Selepas mengharungi lima perlawanan, Selangor menghuni tangga ketiga tercorot Liga Super dengan dua kekalahan dan tiga seri.



PRESTASI LIMA PERLAWANAN PERTAMA LIGA SUPER

3 Februari	SELANGOR	1	FELDA UNITED	1
9 Februari	PJ CITY FC	1	SELANGOR	1
17 Februari	SELANGOR	0	PKNS FC	4
24 Februari	PAHANG	1	SELANGOR	1
1 Mac	SELANGOR	2	JDT	4

paling penting selagi memegang jawatan ini, beliau akan terus menjalankan tugas sebaik mungkin untuk kembali mendapat sokongan penyokong *Red Giants*.

Beliau juga sedar tugas berat bakal menanti sebaik sahaja menerima jawatan membimbing Se-

Headline	Long wait for new bus terminal		
MediaTitle	The Star		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,3	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	1537 cm ²
Journalist	KATHLEEN MICHAEL	AdValue	RM 82,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 246,923



Tough ride to opening day

The much-needed new Shah Alam bus terminal in Section 17 is still not ready for use despite receiving its Certificate of Completion and Compliance last year. >3



Too long a wait: The bus terminal in Section 17, Shah Alam, is finally complete but the installation of a ticketing system is further delaying its opening. — AFIQUE YUSOFF/The Star

Headline	Long wait for new bus terminal		
MediaTitle	The Star		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,3	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	1537 cm ²
Journalist	KATHLEEN MICHAEL	AdValue	RM 82,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 246,923

Long wait for new bus terminal

Passengers also complain of bad conditions at temporary facility in Section 13



There is limited seating at the temporary bus terminal. (Right) Poor road conditions at the facility in Section 13. — Photos: AFIQUE YUSOFF/The Star

By KATHLEEN MICHAEL
kathleen@thestar.com.my

THE people of Shah Alam are still waiting for the new bus terminal befitting its city status to open.

The opening of the long-awaited facility in Section 17, Shah Alam, has been delayed for years.

Passengers are also complaining about the worsening condition of the temporary bus terminal in Section 13 that has been in use since 2014.

It was earlier reported that Terminal 17 on Jalan Jenulung 17/21 was expected to begin operations in July last year.

Shah Alam City Council (MBSA) corporate communications head Shahrin Ahmad said they were in the process of installing the Terminal Operating System and Centralised Ticketing System in the building.

He said the systems would ensure smooth operations at the terminal.

Shahrin added that the council received the Certificate of Completion and Compliance (CCC) for the terminal late last year.

The ticketing system could only be installed after obtaining the CCC.



Terminal 17 has 13 parking bays for visitors, 14 for buses and six for taxis.

The online ticketing system to be installed will be similar to the one used at the Terminal Bersepadu Selatan bus terminal in Bandar Tasik Selatan.

Each online ticketing counter will cater to 24 bus companies. Terminal 17 has 13 parking bays for visitors, 14 for buses and six for taxis.

There will also be designated lanes for express buses and other vehicles to wait.

While Terminal 17 was being built, operations were temporarily moved to Section 13, Shah Alam.

The temporary bus terminal along Jalan Lontar Peluru 13/39 was meant to be used for only two

years, said sundry shop worker Norlaila Mohd.

"We were supposed to move to the new bus terminal in 2016," she said.

Norlaila said the temporary bus terminal was only busy during the holidays.

She is looking forward to moving

back to Section 17 but has not received any notice about the impending move.

However, MBSA has put up banners outside Terminal 17 inviting applications to run stalls at the new facility.

A ticket tout said although the temporary terminal was small, there is ample space for buses and cars to park.

"Here, bus drivers have space to park and rest in the bus, but at the new bus terminal in Section 17, there is not enough space."

At the temporary terminal, the parking area for buses and cars is badly maintained with large potholes and rock strewn roads.

Passengers have complained about the poor condition of the terminal on social media.

Tuan Rusiah said the bus stops had only iron frames for seating and were uncomfortable.

"I have no choice but to stand, and when the bus is late, it's tiring," she said.

Ali Karim said there were potholes everywhere.

